



KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Aras 2, Setia Perdana 7
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 03 8000 8000
Fax : 03 8888 3258
Portal Rasmi : www.cgso.gov.my

Ruj. Kami : KPKK(S) 600-1/1/4 (16)

Tarikh : 14 Februari 2023

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Suruhanjaya
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT EDARAN KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN
BILANGAN 2 TAHUN 2023: PENYERAHAN FUNGSI DAN GARIS PANDUAN
PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN (PKP) SEKTOR
AWAM KEPADA PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN
KERAJAAN MALAYSIA (CGSO)**

Dengan hormatnya izinkan saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan berkaitan perkara di atas.

2. Sebagai makluman YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan, pengurusan kesinambungan perkhidmatan ialah pengurusan secara holistik aktiviti-aktiviti yang terlibat bagi mengekalkan ketersediaan dan kesinambungan perkhidmatan apabila berlaku gangguan serta baik pulih perkhidmatan dapat dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

'RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN'



ISO 9001-0048595



Certified to ISO 22301:2019
CERT NO.: 014-BC005

3. Sepertimana YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Kementerian/Jabatan/Agensi berhadapan dengan pelbagai bentuk ancaman, pelanggaran keselamatan dan bencana yang boleh menjejaskan sistem penyampaian perkhidmatan awam dan tadbir urus Kerajaan. Oleh yang demikian bagi mengurangkan impak kepada organisasi, pengurusan kesinambungan perkhidmatan perlu diwujudkan bagi menjamin fungsi dan perkhidmatan kritikal organisasi dapat dipulihkan dengan segera sekiranya berlaku gangguan atau bencana. Oleh yang demikian, Garis Panduan PKP merupakan dokumen rujukan untuk membantu agensi Sektor Awam menyediakan perancangan strategik, pembangunan program dan membentuk pasukan/jawatankuasa yang terlibat bagi melaksanakan PKP.

4. Untuk makluman pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan jua, Surat Arahan Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) berkaitan pelaksanaan PKP Agensi Sektor Awam telah dikeluarkan oleh pihak MAMPU bertarikh 22 Januari 2010. Pada 29 Januari 2019, Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU ini telah diserahkan kepada Agensi Keselamatan Siber Negara, Majlis Keselamatan Negara (NACSA, MKN) setelah Jabatan tersebut ditubuhkan. Namun begitu, berdasarkan kepada hasil pelaksanaan dan penilaian semula oleh pihak NACSA, MKN mendapati skop PKP yang dilaksanakan adalah di luar konteks keselamatan siber.

5. Sehubungan itu, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Ketua Setiausaha Negara pada 9 Disember 2022 telah **bersetuju supaya fungsi dan Garis Panduan PKP diserahkan daripada pihak NACSA, MKN kepada CGSO** berdasarkan kepada justifikasi-justifikasi berikut:

- (i) **punca kuasa yang dinyatakan dengan jelas dalam Perkara 180, Bab 7: Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan dalam Buku Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017)** bahawa rujukan kepada Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan hendaklah dibuat untuk mendapatkan khidmat nasihat berhubung dengan pelaksanaan PKP di Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan;
- (ii) **persetujuan oleh semua pihak yang terlibat iaitu NACSA, MKN, MAMPU dan CGSO telah diperolehi** melalui mesyuarat pada 5 Oktober 2022. CGSO juga didapati telah membuat persiapan yang rapi seperti menyediakan perancangan **way forward PKP** bagi memastikan kesinambungan pelaksanaan PKP dibuat sewajarnya; dan
- (iii) **selari dengan fungsi sedia ada dan keupayaan (*strength*) CGSO** memandangkan CGSO mempunyai sumber tenaga kerja, sebuah pusat latihan dan cawangan di setiap negeri yang mencukupi untuk mengawal selia serta memberi khidmat konsultansi berkenaan aspek keselamatan fizikal dan bukan fizikal di Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan.

6. Kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan untuk menghebahkan Surat Edaran ini kepada semua pegawai dan kakitangan di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan masing-masing. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini, pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan boleh menghubungi kami seperti pada maklumat yang tertera di bawah:

Alamat : Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Aras -1, 1 dan 2, Setia Perdana 7
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA.
(u.p.: Bahagian Keselamatan ICT & Rahsia Rasmi)

E-mail : kictrr@cgso.gov.my

Telefon : 03 – 8872 6038

7. Kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(RAHIMI BIN ISMAIL)

s.k.:

1. YBhg. Tan Sri Dato' Seri Ketua Setiausaha Negara
2. YBhg. Datuk Seri Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, JPM